

# Ratusan ribu kesejukan

## Mangsa Taufan Nargis Myanmar kekurangan khemah, penempatan

**Y**ANGON: Beratus-ratus ribu daripada 1.5 juta mangsa Taufan Nargis yang terselamat, kini kesejukan dan terdedah kepada hujan lebat berikutan kekurangan kawasan penempatan dan khemah untuk berlindung.

Masalah itu didedahkan agensi bantuan antarabangsa ketika negara itu berdepan hujan lebat berikutan permulaan monsun.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Persekutuan Palang Merah serta Persatuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa memberi amaran 'keperluan mendesak' kain tebal untuk diberi kepada anggaran 1.5 juta orang yang terselamat di penempatan sementara. Jika tidak, mereka, ancaman kebuluran dan penyakit akan bertambah teruk.

"Pendedahan kepada elemen ini lima minggu selepas bencana dahsyat itu menjadi kebimbangan utama kami,"

B.# B-106 102 M/S 14

kata John Sparrow, jurucakap IFRC. "Penduduk berada dalam keadaan lemah. Mereka sakit dan lapar. Tanpa perlindungan, situasi keseluruhan mereka bertambah buruk."

PBB menganggarkan sejumlah 2.4 juta penduduk terjejas akibat serangan Taufan Nargis yang melanda 2 hingga 3 Mei lalu dan memberi amaran lebih sejuta daripada mereka memerlukan bantuan, kebanyakannya di dataran Irrawaddy yang sukar dijangkau.

Pegawai PBB dan kumpulan bantuan mengkritik rejim kerana melengahkan kemasukan ke dataran itu, sambil mengatakan ia menghalang bantuan bekalan makanan, air dan perlindungan mencukupi daripada sampai kepada mereka yang terselemat dan terdesak untuk hidup.

Pegawai kemanusiaan teratas PBB berkata di New York, kini 'sedikit orang' yang belum menerima apa-apa bantuan, tetapi usaha bantuan ini per-

lu dipertingkatkan, katanya. "Saya fikir ramai penduduk pergi ke semua tempat utama, walaupun ia bukan mudah seperti sebelumnya," kata John Holmes. "Tiada bukti berlaku kebuluran pada masa ini, walaupun, seperti yang saya katakan ramai penduduk masih memerlukan

bantuan ketara." PBB berkata, kemasukan bantuan ke negara ini boleh diperbaiki jika junta tentera negara itu menerima tawaran sokongan Amerika yang termasuk penggunaan 22 helikopter tentera untuk menghantar bantuan ke lokasi terpencil.

Konvoi Essex USS, yang termasuk empat kapal, 5,000 kakitangan tentera dan helikopter, membatalkan rancangan menghantar bantuan ke dataran itu kelmarin selepas usaha berulang kali untuk berkompromi dengan junta gagal.

Tentera Amerika, bagaimanapun, berkata ia meletakkan 22 helikopter untuk bersedia pada bila-bila masa jika junta pemerintah Myanmar menarik balik penolakan bantuan kepada mangsa taufan, sambil mengatakan pesawat itu mampu menjejaki mereka yang terselamat dalam masa tiga hari. - AP


**FAKTA NOMBOR**

Taufan Nargis

**2.4 juta**  
Penduduk terjejas

---

**1.5 juta**  
Mangsa perlu bantuan



**KELAPARAN:** Seorang mangsa Taufan Nargis mencari di celah runtuhan di depan sebuah rumah yang dibina semula di Ngapudaw, Delta Irawaddy, kelmarin.